

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah dinaik taraf sebagai bandar raya, adakah MBPP akan mengkaji semula dasar had bandar (*city limit*)?
 - (a) Nyatakan perubahan dasar yang dilakukan oleh MBPP selepas menjadi bandar raya.
 - (b) Senaraikan projek-projek menaik taraf kemudahan awam di MBPP.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Pada masa ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk mengkaji semula dasar had bandar (*city limit*). Had bandar (*city limit*) merupakan sempadan bandar yang diguna pakai oleh MBPP bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan memberikan perkhidmatan perbandaran kepada orang awam. Dasar had bandar boleh diteliti semula oleh MBPP tertakluk pada keperluan dari semasa ke semasa.
 - (a) Perubahan dasar yang telah dilakukan oleh MBPP selepas menjadi bandar raya adalah dengan melaksanakan perancangan dasar pembangunan bandar pintar, bandar mampan dan bandar mesra usia. Selain itu, MBPP juga merujuk dasar-dasar di peringkat Kerajaan Negeri seperti yang terkandung dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang disediakan oleh PLANMalaysia@Pulau Pinang.

- (b) Senarai projek-projek menaik taraf kemudahan awam di bawah MBPP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**SENARAI PROJEK MENAIK TARAF KEMUDAHAN AWAM OLEH
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) TAHUN 2020-2024**

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
1.	2020	PEMBINAAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI DI JALAN TANJONG BUNGAH, KAWASAN BAYAN BARU DAN BAYAN LEPAS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	SIAP
2.	2020	MENYELENGGARA, MEMBERSIH, MEMBAIKI DAN MENGECAT SEMULA LAPISAN PERLINDUNGAN PADA JEJANTAS DALAM KAWASAN BANDAR GEORGE TOWN PULAU PINANG	SIAP
3.	2020	KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENYELENGGARA <i>EVAPORATIVE AIRCOOLING SYSTEM</i> DI KOMPLEKS GERAJ MAKANAN BATU LANCANG, TAHUN 2019, MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	SIAP
4.	2020	SEBUT HARGA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENTAULIAH 2 UNIT <i>HIGH MAST</i> DI TAMAN BANDARAYA, MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	SIAP
5.	2020	SEBUT HARGA UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENAIK TARAF PONDOK PERHENTIAN BAS MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DI KAWASAN PULAU, PULAU PINANG PERUNTUKAN BP1 (ZON C) TAHUN 2020	SIAP
6.	2020	SEBUT HARGA UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENAIK TARAF PONDOK PERHENTIAN BAS MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DI KAWASAN PULAU, PULAU PINANG PERUNTUKAN BP1 (ZON B) TAHUN 2020	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
7.	2020	SEBUT HARGA UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENAIK TARAF PONDOK PERHENTIAN BAS MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DI KAWASAN PULAU, PULAU PINANG PERUNTUKAN BP1 (ZON A) TAHUN 2020	SIAP
8.	2020	SEBUT HARGA PENYELENGGARAAN SISTEM PAM DAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR MBPP	SIAP
9.	2020	TENDER MEMBAIKI DAN MENYELENGGARA PARIT DAN BAHU JALAN DI JALAN UTAMA DARI JALAN RESIDENSI HINGGA JALAN DATOK KERAMAT DAERAH TIMUR LAUT PULAU PINANG	SIAP
10.	2020	CADANGAN MENAIK TARAF BALAI RAKYAT/ PASAR AWAM BATU LANCHANG (BUMBUNG & 'WATER PROOFING'), PULAU PINANG	SIAP
11.	2020	CADANGAN UBAH SUAI SAIZ SALURAN PAIP DI KOMPLEKS MAKAN PADANG BROWN, PULAU PINANG	SIAP
12.	2020	CADANGAN MEMBINA STRUKTUR BUMBUNG BAGI LALUAN BASIKAL DI JAMBATAN HARAPAN, MK. 12, BAYAN LEPAS, DTL, PULAU PINANG	SIAP
13.	2020	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG MENGHUBUNGGKAN LEBUH ARMENIAN & LEBUH AH QUEE BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	SIAP
14.	2020	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG MENGHUBUNGGKAN JALAN MASJID KAPITAN KELING & LORONG CHULIA BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	SIAP
15.	2020	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI LORONG STEWARD KE	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
		LORONG CHULIA MENGHUBUNGAN BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	
16.	2020	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI LEBUH PANTAI KE LEBUH VICTORIA BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI	SIAP
17.	2020	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI LEBUH CARNARVON KE JALAN PINTAL TALI BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI	SIAP
18.	2020	KERJA-KERJA MEMBINA GELANGGANG (SEPAK TAKRAW / BADMINTON) DI TANAH LAPANG TELUK KUMBAR	SIAP
19.	2020	MENAIKTARAF PEJALAN KAKI DAN BANGKU TAMAN DI TANAH LAPANG MAJLIS	SIAP
20.	2021	SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGECAT RUANG MENUNGGU UNTUK MOTOSIKAL DAN BASIKAL DI PERSIMPANGAN-PERSIMPANGAN BERLAMPU ISYARAT DI KAWASAN GEORGE TOWN, PULAU PINANG	SIAP
21.	2021	TENDER KERJA-KERJA PELEBARAN ' <i>JOGGING TRACK</i> ' PEMBINAAN 2 UNIT ' <i>RAMP</i> ' DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN BANDARAYA, PERSIARAN KUARI, PULAU PINANG	SIAP
22.	2021	SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG PERALATAN ELEKTRIK YANG LENGKAP DENGAN AKSESORI YANG DIPERLUKAN BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENDAWAIAN ELEKTRIK UNTUK PEMASANGAN LAMPU DI TUJUH PULUH (70) LOKASI PONDOK BAS MBPP DI SELURUH PULAU	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
23.	2021	TENDER PROJEK MENAIK TARAF BAHU JALAN DAN PEJALAN KAKI DI JALAN SULTAN AHMAD SHAH DARI JALAN TRANSFER HINGGA JALAN LARUT, DTL, PULAU PINANG	SIAP
24.	2021	TENDER UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENAIK TARAF PONDOK PERHENTIAN BAS MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DI KAWASAN PULAU, PULAU PINANG TAHUN 2020	SIAP
25.	2021	SEBUT HARGA KERJA-KERJA MENGECAT DUA (2) UNIT JEJANTAS DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN MASJID NEGERI, JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	SIAP
26.	2021	TENDER <i>REQUEST FOR PROPOSAL</i> (RFP) MELALUI <i>BUILD-OPERATE-TRANSFER</i> (BOT) ARRANGEMENT BAGI CADANGAN MERANCANG, MEMBINA, MENGURUS DAN MENYELENGGARA SEBUAH PUSAT PENYIMPANAN DAN PENYERAHAN AYAM BERSERTA TEMPAT LETAK KENDERAAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1576, SEKSYEN 3, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	DALAM PEMBINAAN
27.	2021	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI JALAN KAMPUNG MALABAR (FASA 1) BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI	SIAP
28.	2021	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI JALAN KAMPUNG MALABAR (FASA 2) BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI	SIAP
29.	2021	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI JALAN KAMPUNG	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
		MALABAR (FASA 3) BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI	
30.	2021	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI JALAN KAMPUNG MALABAR (FASA 4) BAGI LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI	SIAP
31.	2021	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI LEBUH CHULIA KE LEBUH MUTRI BAGI LALUAN BASIKAL DAN PENJALAN KAKI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	SIAP
32.	2021	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG SISI & LORONG BELAKANG DI JALAN PESARA CLAIMANT BAGI LALUAN BASIKAL DAN PENJALAN KAKI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.	SIAP
33.	2022	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBINAAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI JALAN MAHSURI, PULAU PINANG TAHUN 2021	SIAP
34.	2022	TENDER BAGI KERJA-KERJA PEMBINAAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI SEBAHAGIAN REZAB SUNGAI DONDANG DAN AYER ITAM DI PULAU PINANG TAHUN 2021	SIAP
35.	2022	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBINAAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN UNTUK KAWASAN AYER ITAM, PULAU PINANG TAHUN 2021	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
36.	2022	SEBUT HARGA UNTUK MENAIK TARAF SISTEM SALIRAN DAN BAHU JALAN DI JALAN HUTTON DARI JALAN BAWASAH HINGGA LORONG CEYLON, DTL, MB PULAU PINANG	SIAP
37.	2022	KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU AWAM DAN LAMPU SOLAR DI LALUAN BASIKAL DAN LALUAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA BERKAITAN	SIAP
38.	2022	SEBUT HARGA KERJA-KERJA PERPAIPAN DI PASAR JALAN KUANTAN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	SIAP
39.	2022	CADANGAN MENGUBAH SUAI DAN MENAIK TARAF GERAI MAKAN, PASAR JALAN ANSON, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 245 DAN LOT 1489, SEKSYEN 12, GEORGE TOWN, DTL., PULAU PINANG.	SIAP
40.	2022	CADANGAN PROJEK PUSAT TRANSIT GELANDANGAN DI NO 19, JALAN C.Y. CHOY, GEORGE TOWN, PULAU PINANG	SIAP
41.	2022	CADANGAN KERJA MENGECAT DAN KERJA 'WATERPROOFING' DI BLOK L, LORONG MAHSURI 11, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS, DBD, PULAU PINANG	SIAP
42.	2022	CADANGAN UBAH SUAI SAIZ SALURAN PAIP DI KOMPLEKS MAKAN (MAKANAN MELAYU / HALAL) PADANG BROWN	SIAP
43.	2022	CADANGAN PEMBINAAN PUSAT SAMPAH DI PASAR DAN KOMPLEKS MAKAN TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG	SIAP
44.	2022	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG DI LEBUH CAMPBELL KE LEBUH CINTRA (FASA 1)	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
45.	2022	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG DI LEBUH CAMPBELL KE LEBUH CINTRA (FASA 2)	SIAP
46.	2022	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG DI LORONG CHULIA	SIAP
47.	2022	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG DAN LORONG SISI DI LORONG CHULIA KE LORONG PASAR	SIAP
48.	2022	PROJEK MENAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN DESA MAWAR, AIR ITAM, PULAU PINANG	SIAP
49.	2023	TENDER UNTUK KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENAIK TARAF LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI KAWASAN BAYAN BARU (FASA 2)	SIAP
50.	2023	SEBUT HARGA PROJEK BAGI KERJA-KERJA MEMBINA BARU PONDOK PERHENTIAN BAS DI SELURUH KAWASAN PULAU, PULAU PINANG	SIAP
51.	2023	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MENAIK TARAF TEMPAT LETAK KERETA DI SEBAHAGIAN KOMPLEKS PASAR BAYAN BARU, PASAR JALAN RAJAWALI DAN TEMPAT LETAK KERETA JALAN SUNGAI KELIAN, PULAU PINANG	SIAP
52.	2023	LANTIKAN TERUS KONTRAKTOR UNTUK PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN BP1 BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENURAPAN DI KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA, ASTAKA SELERA STADIUM, JALAN PERAK, DTL, MB PULAU PINANG	SIAP
53.	2023	LANTIKAN TERUS KONTRAKTOR UNTUK PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN BP1 BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENURAPAN	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
		JALAN DI JALAN ONG JOO SUN, DTL, MB PULAU PINANG	
54.	2023	LANTIKAN TERUS KONTRAKTOR UNTUK PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN BP1 BAGI KERJA-KERJA MENAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI LEBUH TEK SOON (HADAPAN TERMINAL RAPID PENANG KOMTAR), DTL, PULAU PINANG	SIAP
55.	2023	LANTIKAN TERUS KONTRAKTOR UNTUK PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN BP1 BAGI KERJA-KERJA MENAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI LINTANG HIJAU, DTL, PULAU PINANG	SIAP
56.	2023	LANTIKAN TERUS KONTRAKTOR UNTUK PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN BP1 BAGI KERJA-KERJA MENAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN LA SALLE (HADAPAN SEKOLAH ST. XAVIER), DTL, PULAU PINANG	SIAP
57.	2023	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DI HALAMAN DAMAI BLOK 8, LINTANG KAMPUNG RAWA 1, DTL, PULAU PINANG	SIAP
58.	2023	CADANGAN PEMBINAAN PUSAT SAMPAH DI PASAR AWAM TELUK BAHANG, DBD, PULAU PINANG	SIAP
59.	2023	CADANGAN MEMBINA MEJA DAN KERUSI BERJENIS KONKRIT DI KOMPLEKS MAKANAN MEDAN RENONG, PADANG KOTA LAMA, PULAU PINANG	SIAP
60.	2023	CADANGAN MEMBINA BUMBUNG GELANGGANG BOLA KERANJANG DI TANAH LAPANG DESA MAWAR SEDIADA, LOT 7699, MK 13, AYER ITAM, DTL, PULAU PINANG	SIAP
61.	2023	CADANGAN MEMBAIK PULIH PUSAT PENYIMPANAN DAN PENGEDARAN AYAM	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
		BERSERTA TEMPAT LETAK KENDERAAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1576, SEKSYEN 3, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	
62.	2023	CADANGAN MENDIRIKAN BUMBUNG DI PPN PULAU TIKUS, PULAU TIKUS, JALAN PASAR, DTL., PULAU PINANG.	SIAP
63.	2023	PROJEK PEMBINAAN BUMBUNG DI PPN JALAN PERMAI, GELUGOR, DTL, PULAU PINANG	SIAP
64.	2023	CADANGAN MEMBINA BARU 10 UNIT KIOSK DI TAPAK PSS DESA ANGGUN, PERSIARAN PANTAI JERJAK, SUNGAI NIBONG, DI ATAS LOT 16896, MUKIM 12, DBD, PULAU PINANG.	SIAP
65.	2023	CADANGAN MEMBINA BARU 8 UNIT KIOSK DI TAPAK PSS HADAPAN PASAR JALAN TENGGU JELUTONG, PULAU PINANG	SIAP
66.	2023	CADANGAN MEMBINA BARU 4 UNIT KIOSK DI TAPAK PENJAJA TAMAN FREE SCHOOL, PULAU PINANG	SIAP
67.	2023	CADANGAN MEMBINA BARU 4 UNIT KIOSK DI TAPAK PENJAJA TAMAN MANGGIS INDAH, DI ATAS LOT 1044, MK.C LORONG PERMATANG PASIR 8, BALIK PULAU, DBD., PULAU PINANG	SIAP
68.	2023	CADANGAN MEMBINA BARU 3 UNIT KIOSK DI TAPAK PENJAJA TAMAN SRI SAYANG, DI ATAS LOT 1242, MK.6, JALAN BALIK PULAU, DBD., PULAU PINANG	SIAP
69.	2023	CADANGAN MEMBINA BARU 6 UNIT KIOSK DI NIGHT MARKET JALAN BATU FERRINGHI, SEKSYEN 1, DTL., PULAU PINANG	SIAP
70.	2023	PENGUBAHSUAIAN DAN MENAIK TARAF PASAR TELUK BAHANG, JALAN HASSAN ABBAS, DI	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
		ATAS LOT 735, MUKIM 2, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	
71.	2023	CADANGAN PEMASANGAN BUMBUNG TAMBAHAN DI KOMPLEKS MAKAN PADANG BROWN, JALAN PERAK, DTL., PULAU PINANG	SIAP
72.	2023	CADANGAN MEMBINA GELANGGANG BOLA KERANJANG BERBUMBUNG DI FARLIM, MEDAN ANGSANA, AYER ITAM, DTL., PULAU PINANG	SIAP
73.	2023	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG DAN LORONG SISI DI JALAN SRI BAHARI KE JALAN ARGYLL DAN JALAN PENANG	SIAP
74.	2023	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG DAN LORONG SISI DI LORONG PITT KE LEBUH AH QUEE	SIAP
75.	2023	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG, LORONG SISI DAN KAWASAN LAPANG DI ATAS LOT 537, LEBUH UNION, SEKSYEN 20, BANDAR GEORGE TOWN, DTL., PULAU PINANG	SIAP
76.	2023	MENAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN SUNGAI KELIAN	SIAP
77.	2023	MENAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN LINTANG BUKIT PENARA, BALIK PULAU	SIAP
78.	2023	MENAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS	SIAP
79.	2023	MENAIK TARAF PADANG BOLA TAMAN SRI NIBONG	SIAP
80.	2023	MENAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI DAN DATARAN SERBAGUNA	SIAP
81.	2023	PROJEK MENAIK TARAF LINEAR GARDEN, GEORGE TOWN, PULAU PINANG	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
82.	2023	CADANGAN PROJEK NAIK TARAF TAMAN KEJIRANAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	SIAP
83.	2024	TENDER CADANGAN PEMBINAAN LALUAN BASIKAL DAN MENAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI SEDIADA DI SEKITAR KAWASAN BAYAN BARU & REZAB SUNGAI KELUANG (FASA 3)	PERANCANGAN
84.	2024	KERJA-KERJA MEMBINA PONDOK PERHENTIAN BAS 3 UNIT DI TINGKAT PAYA TERUBONG 4, BERHAMPIRAN PASAR PAYA TERUBONG JAYA OLEH AHLI MAJLIS TAN SOO SIANG. (CADANGAN LALUAN BARU BAS RAPID PENANG)	PERANCANGAN
85.	2024	PROJEK MENAIK TARAF BAHU JALAN DAN LALUAN PEJALAN KAKI DI LEBUH LIGHT/JALAN MASJID KAPITAN KELING	PELAKSANAAN
86.	2024	MEMBINA LALUAN KENDERAAN MIKROMOBILITI DI TMN BANDARAYA	PERANCANGAN
88.	2024	PEMASANGAN LED SKRIN DI STADIUM BANDARAYA PULAU PINANG. PENUKARAN 'SCOREBOARD' YANG SEDIA ADA KEPADA LED SKRIN DI STADIUM BANDARAYA PULAU PINANG	PELAKSANAAN
89.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG KEPADA MINI TREK AWAM. MENYEDIAKAN MINI TREK AWAM DI TAMAN BANDARAYA (YOUTH PARK)	PELAKSANAAN
90.	2024	PENDAWAIAN SEMULA KESELURUHAN PASAR PULAU TIKUS	PERANCANGAN
91.	2024	CADANGAN MEMBINA BOLA KERANGJANG BERBUMBUNG DI FARLIM, MEDAN ANGSANA, AYER ITAM, DTL, PULAU PINANG	SIAP
92.	2024	PENGUBAHSUAIAN / MENAIK TARAF TAPAK PENJAJA SEMENTARA TPS SUIWAH JELUTONG	SIAP

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
93.	2024	PENGUBAHSUAIAN / MENAIK TARAF TAPAK PENJAJA SEMENTARA (LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGAH)	PELAKSANAAN
94.	2024	CADANGAN PEMASANGAN BUMBUNG TAMBAHAN DI KOMPLEKS MAKAN PADANG BROWN JALAN PERAK DTL. PULAU PINANG.	SIAP
95.	2024	CADANGAN MENAIK TARAF DAN MENDIRIKAN BUMBUNG DI ASTAKA TANJUNG SELERA, KING EDWARD'S PLACE, 10300 BANDAR GEORGETOWN, DTL, PULAU PINANG	PELAKSANAAN
96.	2024	CADANGAN MENAIK TARAF KOMPLEKS MEDANIKA, LEBUH VICTORIA, SEK.23, GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	PELAKSANAAN
97.	2024	PENGUBAHSUAIAN / MENAIK TARAF TAPAK ASTAKA DI KOMPLEKS MEDAN RENONG	PERANCANGAN
98.	2024	PENGUBAHSUAIAN / MENAIK TARAF ASTAKA KAMPUNG MELAYU	PERANCANGAN
99.	2024	PENGUBAHSUAIAN / MENAIK TARAF ASTAKA PERSIMPANGAN GELUGOR	PERANCANGAN
100.	2024	PENGUBAHSUAIAN / MENAIK TARAF PASAR TAMAN TUN SARDON	PERANCANGAN
101.	2024	MENAIK TARAF GELANGGANG FUTSAL DAN SEPAK TAKRAW DI JALAN HAJJAH REHMAH, JELUTONG	PERANCANGAN
102.	2024	MENAIK TARAF GELANGGANG FUTSAL, SEPAK TAKRAW & BOLA KERANJANG - JALAN KUALA, JALAN BAHARU BALIK PULAU	PERANCANGAN
103.	2024	CADANGAN PEMBINAAN GELANGGANG BOLA KERANJANG TAMAN IPING	PERANCANGAN

BIL	TAHUN	PERKARA	STATUS
104.	2024	CADANGAN MENAIK TARAF GELANGGANG SEPAK TAKRAW TAMAN IPING	PERANCANGAN
105.	2024	PEMBINAAN PASAR / KOMPLEKS MAKANAN TELUK KUMBAR	PERANCANGAN
106.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG DESA BESTARI	PERANCANGAN
107.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG LORONG BATU UBAN 1	PERANCANGAN
108.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG LENGKOK NIPAH	PERANCANGAN
109.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG CANGKAT KENARI	PERANCANGAN
110.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG LILITAN SUNGAI ARA	PELAKSANAAN
111.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG CANGKAT MINDEN JALAN 15	PELAKSANAAN
112.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG PERSIARAN PAYA TERUBONG 2 (FLAT 88)	PELAKSANAAN
113.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG LOH POH HENG	PERANCANGAN
114.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG AZURIA	PERANCANGAN
115.	2024	MENAIK TARAF TANAH LAPANG LENGKOK P. RAMLEE	PERANCANGAN

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

2. Isu tempat letak kereta di Stesen Keretapi Butterworth.
- (a) Apakah cadangan untuk menangani isu kekurangan tempat letak kereta?
 - (b) Nyatakan mekanisme untuk mengurangkan kesesakan kenderaan terutamanya ketika ketibaan dan perlepasan penumpang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Parkir kenderaan di Stesen KTMB Butterworth diuruskan sepenuhnya oleh pihak Terminal Penang Sentral yang merupakan operator swasta. Buat masa ini, sebanyak 580 petak letak kenderaan bertingkat disediakan di kawasan Penang Sentral yang berhubung terus dengan Stesen KTMB Butterworth. Sehingga kini, parkir bertingkat masih belum mencapai kapasiti penggunaan penuh. Walau bagaimanapun, bagi kemudahan pengguna, pihak Penang Sentral dalam perancangan untuk mengoperasikan tapak parkir terbuka berhadapan dengan Stesen KTMB Butterworth. Pengoperasian penuh parkir terbuka ini dijangka akan bermula pada suku ke-4 tahun 2024.
- (b) Ketibaan tren di Stesen Butterworth akan menyebabkan kesesakan lalu lintas memandangkan penumpang akan menukar mod pengangkutan ke destinasi terakhir sama ada melalui perkhidmatan teksi, e-hailing ataupun di ambil oleh waris menggunakan kenderaan persendirian. Buat masa ini,

Stesen Butterworth mempunyai satu (1) pintu sahaja untuk masuk dan juga keluar bagi kenderaan. Pihak Penang Sentral mempunyai perancangan untuk penyediaan kawasan menunggu untuk mengambil dan menurunkan penumpang agar kesesakan pada waktu ketibaan tren dapat diatasi. Walau bagaimanapun, perancangan ini masih di peringkat awalan. Selain itu, pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) juga sering membuat pemantauan secara berkala dan akan mengambil tindakan saman sekiranya wujud kesalahan halangan lalu lintas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

3. Apakah status rundingan projek air dengan Kerajaan Negeri Perak?
- (a) Bilakah projek ini akan bermula dan nyatakan kos yang terlibat.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Perak?
 - (c) Nyatakan implikasi kewangan yang bakal ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri tidak pernah berputus asa dalam memastikan projek pemindahan air Sungai Perak ini dilaksanakan dengan segera. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah awal dengan mengadakan pertemuan bersama Kerajaan Negeri Perak pada 9 November 2023 dan terkini adalah melalui taklimat pembangunan pada 5 April 2024 kepada YAB Perdana Menteri di mana YAB Ketua Menteri mohon supaya Kerajaan Persekutuan menjadi pemudah cara dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat dimulakan dengan segera dengan mengambil kira keperluan permintaan air yang semakin meningkat di negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyambut baik melalui pengumuman oleh YAB Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan di Majlis Penutup Program Madani Rakyat 2024 Zon Utara dan Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Pulau Pinang di Tapak Pesta Pulau Pinang pada 5 Mei 2024 menyatakan Tuanku

Sultan Perak serta kerajaan Negeri Perak bersetuju untuk membekalkan bekalan air dari Sungai Perak melalui projek pembangunan *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) di mana fasa pertama akan masuk ke Seberang Perai termasuk Nibong Tebal dan Sungai Bakap.

- (a) Kerajaan Negeri masih dengan pendirian yang sama untuk memastikan projek pemindahan air dari Sungai Perak ini dapat dilaksanakan dengan segera memandangkan projek ini telah tertangguh sekian lama sejak tahun 2012 lagi. Kos yang terlibat masih dalam peringkat rundingan dan masih belum dimuktamadkan.
- (b) Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak pada 9 November 2023 dan melalui perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju secara dasarnya untuk menjual air terawat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Syarat dan terma masih belum dibincangkan dengan terperinci untuk dimuktamadkan.
- (c) Kerajaan Negeri melalui PBAPP perlu menyediakan peruntukan bagi kos penyediaan infrastruktur dan sistem pembekalan air terawat yang akan disalurkan melalui Loji Rawatan Air Kerian dan pelbagai aspek teknikal perlu diteliti oleh kedua-dua negeri sebelum perkara ini dapat dimuktamadkan. Kadar caj bagi air terawat masih belum dibincangkan dengan terperinci dan akan dimuktamadkan setelah kedua-dua Kerajaan Negeri mencapai persetujuan bersama.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

4. Cadangan lorong khas motosikal di Jambatan Pertama. Adakah ia dapat dilaksanakan seperti di Jambatan Kedua?
- (a) Berikan statistik kemalangan yang melibatkan pengguna motosikal.
 - (b) Apakah tindakan untuk mengurangkan kes kemalangan melibatkan pengguna motosikal?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Jambatan Pulau Pinang (JPP) telah dinaik taraf dari laluan dua (2) lorong sehala kepada laluan tiga (3) lorong sehala serta bahu jalan yang boleh digunakan oleh kenderaan jenis motosikal. Penyediaan lorong khusus untuk motosikal tidak dapat dilaksanakan kerana reka bentuk rentang utama jambatan. Kapasiti jambatan akan berkurangan sekiranya lorong sedia ada ditukar kepada lorong khusus untuk motosikal. Ini akan menyebabkan kesesakan sedia ada menjadi lebih buruk terutamanya ketika waktu puncak.
- (a) Statistik kes kemalangan melibatkan motosikal di JPP adalah seperti di JADUAL 1.

**JADUAL 1: STATISTIK KES KEMALANGAN MELIBATKAN
MOTOSIKAL DI JPP (2022-2024)**

TAHUN	JUMLAH KES KEMALANGAN
2022	213
2023	237
2024	60 (sehingga bulan Mac)

- (b) Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) sebagai pemilik konsesi untuk mengurangkan kadar kemalangan melibatkan pengguna motosikal. Antaranya adalah kempen-kempen keselamatan yang diadakan dari semasa ke semasa.

Selain itu, aktiviti penguatkuasaan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga dilaksanakan oleh agensi terbabit secara berkala bagi memastikan pengguna mengamalkan pemanduan selamat. Pelaksanaan larangan kenderaan berat pada waktu puncak yang telah dilaksanakan juga adalah merupakan antara usaha bagi mengurangkan risiko kemalangan antara pengguna motosikal dan kenderaan berat di jambatan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

5. Program kesedaran kesihatan mental.
- (a) Berikan jumlah mereka yang mengalami masalah ini merangkumi jantina dan umur sejak Tahun 2020.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bantuan dana kepada badan-badan NGO yang membantu menganjurkan program kesedaran?
 - (c) Nyatakan jumlah dana dan juga nama institusi atau badan NGO yang menerima dana daripada Kerajaan Negeri.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Tiada data bagi mereka yang mempunyai masalah mental untuk tahun 2020 sehingga 2022 namun, satu kajian kebangsaan iaitu *National Health Morbidity Survey* telah dilaksanakan pada tahun 2023. Data tersebut dalam fasa penerbitan.

Berikut adalah maklumat masalah kesihatan mental dari kajian *National Health Morbidity Survey* 2019:

- (i) Prevalen kemurungan populasi Malaysia adalah 2.3% @ setengah juta orang. Manakala, prevelen di negeri Pulau Pinang (2.1%) adalah lagi rendah dari prevalen kemurungan kebangsaan;

- (ii) Prevalen lebih tinggi di kalangan perempuan 3.6% berbanding dengan lelaki 1.9%;
- (iii) Mereka dari kawasan luar bandar (3.6%) lebih cenderung kepada kemurungan berbanding dengan di bandar (1.9%); dan
- (iv) Prevalen dari segi pendapatan rumah yang paling tinggi berlaku di kalangan B40 (2.7%) berbanding dengan M40 (1.6%) dan T20 (1.1%).

Prevalen kemurungan dari segi umur:

Kategori umur (tahun)	Prevalen (%)
15 - 19	2.1
20 - 24	3.1
25 - 29	3.9
30 - 34	1.8
35 - 39	1.9
40 - 44	1.0
45 - 49	1.7
50 - 54	2.2
55 - 59	1.9
60 - 64	3.1
65 - 69	1.3
70 - 74	0.7
> 75	2.4

- (b) Kerajaan Negeri komited dalam membantu mana-mana badan NGO yang menganjurkan program kesedaran mental melalui peruntukkan yang telah disediakan di bawah MMK Belia, Sukan dan Kesihatan.

- (c) Bagi Tahun 2024, terdapat dua badan NGO yang telah menerima dana, Kerajaan Negeri di bawah MMK Kesihatan untuk menganjurkan program kesedaran mental sendiri iaitu:

NGO/INSTITUSI	PROGRAM BAGI TAHUN 2024	JUMLAH DIPERUNTUKAN (RM)
Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia	Kempen Kesedaran Pencegahan Bunuh Diri Dalam Kalangan Belia Pulau Pinang	RM10,000.00
Pertubuhan Sedia Bersahabat Pulau Pinang	Kos operasi pertubuhan. Pertubuhan ini memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuan dari segi kesihatan mental.	RM10,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

6. Nyatakan prosedur bagi penganjuran Bazar Deepavali di Pulau Pinang.
- (a) Adakah pihak penganjur perlu mendapatkan persetujuan daripada Persatuan Peniaga India?
 - (b) Adakah pihak PBT berhak membatalkan lesen penganjuran sekiranya terdapat bantahan daripada individu, badan NGO atau persatuan peniaga?
 - (c) Adakah penganjuran hanya dibenarkan untuk tempoh masa tertentu sahaja?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Ketetapan prosedur bagi penganjuran Bazar Deepavali di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Penganjur hendaklah membuat permohonan Permit Penganjuran, Permit Hiburan Sementara dan Permit Iklan Sepanduk daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh-tempoh tertentu yang ditetapkan oleh PBT sebelum penganjuran bermula;
 - (ii) Penganjur perlu mematuhi syarat-syarat penganjuran yang dikeluarkan oleh PBT kepada penganjur;

- (iii) Tidak dibenarkan penganjur/peniaga/pekerja bukan warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) bagi menguruskan perniagaan; dan
- (iv) Penganjur/peniaga/pekerja warganegara Malaysia perlu berada di tapak bagi menguruskan perniagaan semasa tempoh penganjuran Bazar Deepavali.
 - (a) Pihak penganjur tidak perlu mendapatkan sebarang persetujuan daripada Persatuan Peniaga India ataupun daripada pihak ketiga sebaliknya hanya perlu mematuhi prosedur/syarat-syarat penganjuran PBT yang telah ditetapkan.
 - (b) Pihak PBT berhak membatalkan lesen penganjuran yang telah diluluskan sekiranya bantahan atau aduan yang dikemukakan oleh individu, badan bukan kerajaan (NGO) atau Persatuan Peniaga adalah berasas dan melibatkan pelanggaran prosedur/syarat-syarat lesen penganjuran yang ditetapkan oleh PBT.
 - (c) Kerajaan Negeri telah membuat ketetapan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bahawa Penganjuran Bazar Deepavali terbuka kepada penganjur dan peniaga dari luar Pulau Pinang bermula 01 April hingga 30 Jun setiap tahun sahaja.

Tiada sebarang penganjuran Bazar Deepavali dibenarkan dijalankan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh perayaan Deepavali dan penganjuran hanya dibenarkan di dalam pusat membeli-belah, pasar raya atau premis kedai sahaja tanpa melibatkan mana-mana penganjur dan peniaga dari luar premis-premis tersebut. Selain itu, penganjuran Bazar Deepavali juga dibenarkan di tapak-tapak khas yang diluluskan oleh PBT dan kebenaran tersebut perlu mendapatkan ulasan daripada YB Kawasan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

7. Berikan penerangan mengenai projek Kereta Kabel Bukit Bendera.
- (a) Bilakah projek ini akan bermula dan dijangka siap sepenuhnya?
 - (b) Berapa lamakah tempoh perjanjian konsesi?
 - (c) Terangkan bagaimana projek pembangunan ini tidak akan memberikan kesan buruk terhadap persekitaran bukit dan keseimbangan ekologi.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pelaksanaan projek kereta kabel Bukit Bendera ini adalah secara Kerjasama Awam Swasta (Public-Private-Partnership, PPP) melalui kaedah Design-Build-Finance-Operate-Transfer (DBFOT). Pembida yang berjaya, Syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk semua proses dari rekaan, pembinaan, pembiayaan sehingga ke pengoperasian fasiliti ini. Pengoperasian perkhidmatan kereta kabel ini kemudiannya akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri setelah tamat tempoh konsesi.

Syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. adalah perintis dalam industri rel tempatan dan mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam keseluruhan rangkaian pelaksanaan projek daripada pengurusan projek dan logistik, rangkaian bekalan antarabangsa, protokol ujian dan pentauliahan serta pembiayaan projek. Mereka telah

membekalkan lebih 400 buah kereta rel untuk beberapa projek pengangkutan awam terbesar di Kuala Lumpur termasuk laluan transit paling sibuk di Malaysia, iaitu Laluan Kelana Jaya.

- (a) Projek kereta kabel Bukit Bendera mempunyai beberapa komponen yang akan dibangunkan dalam tempoh lapan belas (18) bulan (anggaran semasa) yang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2024 dan berakhir pada bulan Disember 2025. Garis masa pembinaan komponen-komponen ini adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Garis Masa Pelaksanaan Projek

Bil	KOMPONEN	JANGKA MULA	JANGKA AKHIR
1	Parkir bertingkat	Jun 2024	Mac 2025
2	Stesen Taman (<i>Garden Station</i>)	Jun 2024	Jun 2025
3	Struktur penukaran laluan	Jun 2024	November 2024
4	Stesen Bukit (<i>Hill Station</i>)	Julai 2024	Ogos 2025
5	Tiang menara	Julai 2024	Mei 2025
6	Pemasangan cerucuk Caissons	Oktober 2024	Mei 2025
7	Pemasangan peralatan kereta kabel	Ogos 2024	September 2025
8	Pengujian dan pentauliahan	Oktober 2025	November 2025
9	Pentauliahan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)	Oktober 2025	Disember 2025

- (b) Tempoh perjanjian konsesi bagi projek ini adalah selama 30 tahun.
- (c) Bagi meminimalkan kesan terhadap persekitaran bukit dan keseimbangan ekologi termasuk kualiti air, langkahlangkah kawalan alam sekitar seperti yang disarankan dalam laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah dan akan dilaksanakan oleh pemaju dengan dipantau oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan

Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP). Langkah-langkah ini termasuk:

- (i) Tidak melibatkan pembinaan jalan akses baharu. Hanya laluan jip dan jejambat (viaduct) sedia ada serta kabel kerja sementara akan digunakan untuk mobilisasi bahan binaan dan pekerja ke tapak tiang kabel di sepanjang jajaran kereta kabel tersebut;
- (ii) Kerja-kerja asas (foundation work) dilaksanakan secara manual. Jentera berat tidak digunakan di mana kaedah *hand-dug caisson* digunakan untuk pembinaan asas;
- (iii) Pembersihan tapak pembinaan tiang yang minima iaitu di antara 3x3 meter (m) sehingga 7x7m berdasarkan kepada ketinggian setiap lima belas (15) tiang di sepanjang jajaran tersebut;
- (iv) Cadangan perlindungan cerun (contoh: *horizontal drain, soil nail, retaining wall* dan lain-lain) telah dicadangkan dalam Laporan Kajian Penilaian Geoteknikal berdasarkan analisis bentuk muka bumi cerun. Laporan ini telah dikemukakan dan mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang;
- (v) Kajian inventori flora di sepanjang jajaran dan lokasi tiang telah dilaksanakan. Maklumat terperinci bagi dua puluh tujuh (27) batang pokok yang akan ditebang di sepanjang jajaran dan tiga puluh satu (31) batang pokok di Taman Ekonomi (Stesen Bawah) telah dikenal pasti dan dikemukakan kepada Jabatan Landskap dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Hasil inventori menunjukkan penebangan ini tidak melibatkan sebarang spesies pokok terancam. Kawasan penebangan pokok akan ditandakan dengan Zon Perlindungan Pokok untuk mengasingkan pokok-pokok lain dari gangguan akibat pembinaan;
- (vi) Kajian Persampelan Ekologi Akuatik dan Terrestrial Fauna telah dijalankan di tapak sebagai sebahagian aspek dalam laporan EIA. Cadangan langkah mitigasi telah disenaraikan dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) oleh Perunding Alam Sekitar. Selain itu,

Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen (ESCP) juga akan disediakan oleh Jurutera Profesional. Pelan ini perlu dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum pembinaan bermula; dan

- (vii) Pengoperasian kereta kabel dengan menggunakan tenaga elektrik yang akan meminimumkan tahap hingar (noise level).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

8. Kekurangan unit dan senarai menunggu yang lama untuk mendapatkan rumah PPR
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini?
 - (b) Senaraikan jumlah penyewa mempunyai tunggakan sewa.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri membuat pemeriksaan atau mengemas kini data penyewa bagi menjamin ketelusan penyewa dan mereka yang layak sahaja diberikan keutamaan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Tawaran unit Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada pemohon adalah tertakluk pada kekosongan unit sedia ada serta senarai menunggu yang layak. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan pembekalan PPR di Pulau Pinang dapat ditingkatkan dan disediakan kepada golongan sasaran selaras dengan permintaan penduduk negeri Pulau Pinang yang semakin meningkat. Konsep baharu ini dapat mengatasi isu sublet iaitu penyewaan kepada pihak ketiga, selain memenuhi hasrat di bawah konsep Perumahan Inklusif MADANI yang menjadi teras pembangunan kediaman mampu milik di negara ini serta selaras dengan manifesto Kerajaan Perpaduan iaitu Perumahan Untuk Semua. Perincian skim perumahan PPR di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di Jadual 1 berikut:

Bil.	Perumahan	Jumlah Unit	Unit Kosong
1	PPR Taman Manggis, Daerah Timur Laut	320	7
2	PPR Taman Bagan Jaya, Daerah Seberang Perai Utara	382	13
3	PPR Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara	70	0
4	PPR Tok Subuh, Daerah Seberang Perai Tengah	227	0
JUMLAH		999	20

Jadual 1: Perincian Skim Perumahan PPR di Negeri Pulau Pinang sehingga tarikh berakhir 30 April 2024.

- (a) Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2023 di bawah Program Sentuhan Kasih KPKT telah mengumumkan cadangan pembinaan dua (2) buah projek PPR di Pongsu Seribu, Kepala Batas di Daerah Seberang Perai Utara dan Kota Giam, Jelutong di Daerah Timur Laut yang melibatkan peruntukan sebanyak RM100.0 juta bagi setiap projek dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM200.0 juta.

Pembangunan Projek PPR di Pongsu Seribu, Kepala Batas adalah meliputi cadangan pembangunan 500 unit rumah pangsa. Cadangan pembinaan Projek PPR di Kota Giam melibatkan komponen pembangunan 500 unit rumah pangsa. Kerajaan Negeri telah memohon supaya sebahagian dari unit PPR di Kota Giam tersebut (250 unit) dijadikan unit berkonsepkan studio satu (1) bilik dengan keluasan 450 kaki persegi bagi memenuhi permintaan dan keperluan golongan belia dan bujang di Pulau Pinang.

- (b) Terdapat empat (4) buah PPR Kerajaan Negeri di Pulau Pinang. Dua (2) daripadanya adalah di bawah seliaan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP). Berdasarkan rekod LPNPP sehingga 30 April 2024, terdapat sebanyak 360 orang penyewa yang mempunyai tunggakan bayaran sewa dengan nilai tunggakan keseluruhan berjumlah RM442,875.00. Maklumat berkaitan jumlah penyewa yang mempunyai tunggakan di PPR di bawah seliaan LPNPP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah berusaha untuk

mengurangkan tunggakan sewa dan selenggara di PPR Taman Manggis dan PPR Bagan Jaya melalui lantikan Pengurus Harta. Tanggungjawab Pengurus Harta adalah untuk mengawal selia dan membuat kutipan tunggakan sewa dan selenggara bagi unit bertunggakan di PPR yang berkenaan. Pengurus Harta juga diwajibkan membuat serahan notis tunggakan ke unit bertunggakan sewa dan selenggara bagi setiap bulan tanpa gagal mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh LPNPP. Di samping itu, LPNPP juga melaksanakan sesi libat urus bersemuka bersama dengan penghuni bertunggakan tegar di PPR Taman Manggis dan PPR Bagan Jaya sebagai pemakluman awal mengenai kesan yang akan berlaku kepada penghuni sekiranya gagal membuat bayaran tunggakan sewa dan selenggara. LPNPP juga dalam proses melaksanakan tindakan hapus kira bagi tunggakan sewa dan selenggara yang telah dihenti lejer akibat penghuni yang lari malam / unit terbiar kosong sehingga menjadi hutang lapuk.

- (c) Kerajaan Negeri melalui LPNPP melaksanakan pengemaskinian maklumat penyewa di Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan PPR setiap tiga (3) tahun sekali untuk tujuan pembaharuan Perjanjian Sewaan dan juga bagi menjamin ketelusan serta kelayakan penyewa di RSKN dan PPR. Bagi melengkapkan proses ini, penyewa akan mengemukakan semua dokumen sokongan yang berkaitan untuk tujuan tersebut sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tempoh perjanjian tamat. Perjanjian Sewaan akan dilaksanakan kepada penyewa yang layak sahaja menerusi panggilan temuduga yang turut melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagi penyewa yang tidak memenuhi syarat kelayakan, ia akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan sebelum dipanjangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Tunggakan LPNPP di bawah Bahagian Penguatkuasa LPNPP untuk keputusan lanjut.

LAMPIRAN A**MAKLUMAT BERKAITAN JUMLAH PENYEWA BERTUNGGAKAN DI PPR
KERAJAAN NEGERI DI BAWAH SELIAAN LPNPP**

Bil.	PPR	Jumlah Keseluruhan Penyewa	Jumlah Penyewa Yang Bertunggakan	Tunggakan (Kurang Atau 1 Tahun)	Tunggakan (1 Tahun Sehingga 3 Tahun)	Tunggakan (Melebihi 3 Tahun)
1	Taman Manggis	313	164	32,499.00	9,836.00	10,236.00
2	Taman Bagan Jaya	366	196	253,996.00	77,028.00	59,280.00
JUMLAH		679	369	286,495.00	86,864.00	69,516.00
				RM442,875.00		

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Isu anjing liar.

- (a) Apakah penyelesaian jangka panjang terhadap isu ini?
- (b) Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk menangani isu ini dan nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil.
- (c) Senaraikan bantuan dari segi dana atau penyediaan tapak kepada NGO perlindungan haiwan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius berkenaan isu anjing liar. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menangani isu anjing liar di kawasan perumahan. Antara tindakan yang diambil untuk penyelesaian jangka masa panjang adalah seperti berikut:
- (i) Penglibatan PBT di dalam program-program khidmat masyarakat (*outreach programme*) bersama-sama Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
 - (ii) Operasi tangkapan harian oleh pasukan tangkapan secara rutin atau bancian dan tindakan susulan aduan;
 - (iii) Usaha sama bersama komuniti dan NGO setempat dalam pelaksanaan Program *Trap, Neuter Release, Manage and Community Engagement* (TNR-M & CE);

- (iv) Pelaksanaan program pemandulan bersubsidi di klinik veterinar swasta; dan
 - (v) Penganjuran Karnival Haiwan yang melibatkan orang awam, agensi-agensi kerajaan, universiti awam dan NGO dalam memberikan kesedaran mengenai penjagaan dan kebajikan haiwan.
- (b) Isu anjing liar merupakan isu bersama dan rentas agensi yang mana melibatkan pengemblengan usaha dan tenaga daripada pihak PBT, agensi-agensi kerajaan, NGO, perwakilan penduduk dan komuniti setempat. Tindakan-tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:
- (i) Operasi tangkapan harian oleh pasukan tangkapan (rutin/bancian dan susulan aduan);
 - (ii) Kerjasama dengan komuniti dan NGO setempat dalam pelaksanaan program TNR-M & CE;
 - (iii) Pelaksanaan program pemandulan bersubsidi di klinik veterinar swasta; dan
 - (iv) Penglibatan PBT dalam program-program khidmat masyarakat (*outreach programme*) bersama-sama NGO.
- (c) Dana/Bantuan yang telah disalurkan adalah seperti berikut:
- (i) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyediakan tapak kepada dua (2) buah NGO iaitu *Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) di Simpang Ampat, Seberang Perai dan Pertubuhan Pemuliharaan Anjing Terbiar (MERCY) di Taman Inderawasih, Seberang Perai. Manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula menyediakan sebuah Pusat Kawalan Anjing Liar dan Terbiar untuk dijadikan pejabat operasi *Independent Aid for Protection and Welfare of Animal* (IAPWA) dan tempat kurungan anjing. Penyelenggaraan dan bil utiliti pusat tersebut adalah di bawah tanggungan MBPP sepenuhnya manakala dana operasi dan kos rawatan adalah di bawah tanggungan IAPWA;

- (ii) Bantuan subsidi pemandulan di klinik veterinar swasta kepada NGO yang berkenaan;
- (iii) Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan/vaksin;
- (iv) Program-program pendidikan yang melibatkan NGO dalam pemerksaan *Responsible Pet Owner* dan menggalakkan pemandulan;
- (v) MBPP juga telah memberi bantuan sumbangan sebanyak RM50,000.00 secara sekali gus kepada pihak IAPWA untuk menampung peningkatan kos yang melibatkan kos pemandulan, kos ubat-ubatan serta kos pengurusan program TNR; dan
- (vi) Bantuan tangkapan anjing untuk program TNR-M & CE.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

10. Berikan maklumat mengenai jumlah pengguna Jambatan Kedua Pulau Pinang untuk tempoh sebulan dan setahun sepanjang tahun 2023.
- (a) Apakah perancangan untuk meningkatkan jumlah pengguna?
- (b) Adakah bayaran tol yang lebih murah akan dikenakan bagi mengelak kesesakan di Jambatan Pertama terutamanya pada waktu puncak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jumlah pengguna yang menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JSAHMS) sepanjang tahun 2023 adalah seperti di Jadual 1.

**JUMLAH PENGGUNA JSAHMS MENGIKUT BULAN BAGI
TAHUN 2023**

BULAN	JUMLAH
Januari	1,328,660
Februari	1,235,467
Mac	1,373,546
April	1,273,254
Mei	1,344,095
Jun	1,347,787
Julai	1,364,255

Ogos	1,402,055
September	1,316,544
Oktober	1,360,915
November	1,362,146
Disember	1,495,780
JUMLAH	16,204,504

- (a) Berdasarkan data trafik, terdapat peningkatan jumlah kenderaan yang menggunakan JSAHMS berbanding tahun sebelumnya. Di samping itu, pembangunan pesat yang kini sedang dilaksanakan di kawasan Batu Kawan/Bandar Cassia akan turut menyumbang kepada peningkatan jumlah trafik.

Selain itu, Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) selaku pemegang konsesi juga telah melaksanakan kempen promosi kepada orang ramai seperti mempromosikan JSAHMS menerusi *variable message signboard* (VMS) dan media sosial serta melaksanakan peraduan pengguna setia bagi meningkatkan jumlah trafik.

- (b) Kadar bayaran tol di JSAHMS adalah lebih murah berbanding kadar tol sebenar di dalam perjanjian konsesi. Kadar tol semasa adalah setara dengan Jambatan Pulau Pinang bagi menarik pengguna menggunakan JSAHMS. Justeru, buat masa ini tiada sebarang perancangan berkenaan pengurangan kadar bayaran tol di JSAHMS.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

11. Projek LRT Pulau Pinang.

- (a) Bilakah projek ini akan dimulakan dan nyatakan fasa perancangan kini.
- (b) Adakah jajaran yang dicadangkan sudah dimuktamadkan atau akan ada perubahan mengikut kesesuaian permintaan?
- (c) Apakah kaedah pembiayaan projek yang dipertimbangkan oleh kerajaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan Pemeriksaan Awam untuk Segmen 2 iaitu dari KOMTAR ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke KOMTAR tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025.

Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

- (b) Terdapat 21 stesen di sepanjang laluan Bayan Lepas dan satu (1) stesen di Penang Sentral untuk menghubungkan penduduk di bahagian Seberang Perai ke bahagian Bayan Lepas. Jajaran Laluan Mutiara akan melalui kawasan yang padat seperti Bayan Lepas, Bayan Baru, Sungai Dua, Gelugor and George Town. Perincian lokasi stesen dalam peringkat pemuktamadan.

KOMTAR dirancang untuk menjadi stesen pertukaran utama di masa hadapan untuk sambungan untuk laluan ke Tanjong Bungah dan Air Itam.

Laluan Mutiara akan merentasi laut dari stesen KOMTAR ke stesen Penang Sentral. Kesesakan lalu lintas disebabkan kemasukan kereta dari bahagian Seberang Perai ke Bayan Lepas dapat dikurangkan.

- (c) Kos Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

12. Pelajar tercicir 3M (membaca, menulis dan mengira).
- (a) Nyatakan jumlah pelajar yang dikategorikan 3M di sekolah rendah dan menengah mengikut jantina dan kaum.
 - (b) Apakah kaedah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu pelajar-pelajar ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Jumlah pelajar yang dikategorikan tercicir 3M di sekolah rendah dan menengah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Antara kaedah penyelesaian yang diambil Kerajaan Negeri dalam membantu pelajar-pelajar ini adalah:
- (i) Program kolaboratif antara Jabatan Pendidikan Negeri dengan Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK);
 - (ii) JPN Pulau Pinang melalui khidmat pakar Pegawai Pemulihan Khas melaksanakan bimbingan kepada guru-guru pemulihan khas untuk melaksanakan pengajaran dengan strategi yang pelbagai khususnya Pedagogi Terbeza untuk memastikan setiap murid tidak tercicir dalam mengikuti pelajaran di kelas arus perdana dan kelas pemulihan khas;

- (iii) JPN Pulau Pinang juga mengendalikan kursus bimbingan kepada guru-guru berkaitan kaedah pembelajaran murid MBPK yang berada di kelas pemulihan agar murid-murid dapat menguasai kemahiran asas;
- (iv) Semua pegawai pemulihan PPD turut merancang aktiviti yang melibatkan ibu bapa, komuniti dan *Non-Government Organisation* (NGO) dalam membantu murid menguasai 3M;
- (v) JPN Pulau Pinang juga meletakkan sasaran SIFAR PERALIHAN 2023-2025 iaitu aktiviti memulihkan murid menguasai 3M melalui penggunaan modul bimbingan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira iaitu Modul Latihan Intervensi Berfokus & Terbeza (MOLIB);
- (vi) Pemantapan kualiti guru (QgABC) BM kelas peralihan melalui program PLC Bahasa Melayu (*Lesson Study*) dan Perkongsian Amalan Terbaik PdP BM Berkesan mengikut daerah akan diteruskan bagi SA 2024/2025;
- (vii) Pemantapan penggunaan modul Bijak BM dan Bengkel Kerja penggunaan modul Kit Didik Hibur Literasi Tahap 2 (BPK) oleh PPD;
- (viii) Lawatan kunjung bimbing oleh JPN (Bimbingan berfokus pembelajaran terbeza, didik hibur, peluasan pembelajaran berasaskan projek);
- (ix) Cadangan bagi PdP Guru Kelas Peralihan;
- (x) Sesi Libat Urus (SLU) bersama Guru Besar SJKC/SJKT, pengetua dan barisan pentadbir SMJK,SMK bagi SA 2023/2024 telah dijalankan dan akan diteruskan bagi SA 2024/2025. Antara Program bagi SA 2023/2024: Bengkel Kerja Pemantapan “0 Peralihan” Dalam Kalangan Murid SJKC & SJKT bersama Guru Besar SJKC & SJKT Bagi Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 telah diadakan (SJKC - 17 April 2023, JPNPP / SJKT – 19 April 2023, SJKT Ladang Valdor);

- (xi) Program Memperkasakan BM untuk SJKC & SJKT bersama Majlis Bahasa Cina Malaysia, 17&18 Julai 2023 (membantu ke arah 0 peralihan) – Guru BM;
- (xii) SLU bersama Pengetua SM pada 12 September 2023; dan
- (xiii) Perjumpaan Profesionalisme bersama GK Bahasa dan KP BM/BI pada April & September 2023.

**DATA MURID PEMULIHAN KHAS YANG MEMPUNYAI ISU
PENGUASAAN KEMAHIRAN ASAS MEMBACA, MENULIS DAN
MENGIRA (3M)**

**DATA APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM) PEMULIHAN KHAS
UJIAN PELEPASAN 2 NEGERI PULAU PINANG
SESI 2023/2024 (TAHUN SATU - TAHUN ENAM)**

TAHUN	JENIS SEKOLAH	ENROLMEN MURID	DATA UP2 MURID PEMULIHAN KHAS PULAU PINANG MENGIKUT BANGSA SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2023/2024								JUMLAH MURID PEMULIHAN	
			MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN			
			LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN		
2	SK	13308	746	465	6	3	58	51	28	18	1375	1908
	SABK	59	3	2	0	0	0	0	0	0	5	
	SJKC	6923	12	14	205	135	14	7	19	11	417	
	SJKT	867	0	0	0	0	60	50	0	1	111	
3	SK	13436	396	216	3	2	47	26	6	5	701	1047
	SABK	61	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
	SJKC	7261	6	9	143	76	7	8	11	10	270	
	SJKT	857	0	0	0	0	46	30	0	0	76	
4	SK	12617	216	114	2	4	28	29	4	5	402	647
	SABK	59	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
	SJKC	6787	5	3	91	52	3	4	10	7	175	
	SJKT	819	0	0	0	0	45	25	0	0	70	
5	SK	12943	97	44	1	3	16	11	3	1	176	398
	SABK	54	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
	SJKC	8217	2	2	89	45	3	2	7	3	153	
	SJKT	919	0	0	0	0	44	25	0	0	69	
6	SK	12874	21	10	0	0	6	5	0	0	42	110
	SABK	49	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
	SJKC	7163	1	0	23	13	1	0	2	1	41	
	SJKT	917	0	0	0	0	17	10	0	0	27	
JUMLAH		106190	1505	879	563	333	395	283	90	62	4110	
			2384		896		678		152			

**DATA MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) YANG
BERADA DALAM PROGRAM PEMULIHAN KHAS
SESI AKADEMIK 2023/2024**

28 Januari 2024: UPBK, BPSH, KPM						
BIL.	NEGERI	ENROLMEN KESELURUHAN MURID	JUMLAH MURID PEMULIHAN KHAS	PERATUS (%)	MBPK	PERATUS (%)
1	TIMUR LAUT	24801	1,108	4.47	19	1.71
2	SEBERANG PERAI TENGAH	26754	1,084	4.05	4	0.37
3	BARAT DAYA	14992	303	2.02	3	0.99
4	SEBERANG PERAI SELATAN	13880	627	4.52	54	8.61
5	SEBERANG PERAI UTARA	25763	988	3.83	8	0.81
	JUMLAH KESELURUHAN	106,190	4,110	3.87	88	2.14

**DATA APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM) PEMULIHAN KHAS
UJIAN PELEPASAN 2 NEGERI PULAU PINANG
SESI 2023/2024 (TAHUN ENAM DI MANA STATUS SEMASA SESI
2024/2025 MEREKA BERADA DI TING.SATU SEK. MEN)**

NEGERI	PPD	ENROLMEN MURID	DATA UP2 MURID PEMULIHAN KHAS PULAU PINANG TAHUN 6 MENGIKUT BANGSA SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2023/2024								JUMLAH MURID PEMULIHAN	
			MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN			
			LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN		
PP	TL	4868	2	1	15	8	2	2	0	0	30	95
	BD	2909	0	0	3	0	0	0	0	0	3	
	SPT	5310	5	0	4	3	8	6	0	0	26	
	SPS	2784	4	1	2	1	8	1	0	0	17	
	SPU	5132	5	3	1	2	4	4	0	0	19	
JUMLAH		21003	16	5	25	14	22	13	0	0	95	
			21		39		35		0			

**DATA BILANGAN MURID YANG BELUM MENCAPAI TAHAP MINIMUM
(BMTM) BAGI PENTAKSIRAN BILIK DARJAH AKHIR TAHUN SESI
AKADEMIK 2023/2024 SUBJEK BAHASA MELAYU KELAS PERALIHAN
DAN TINGKATAN 1 HINGGA TINGKATAN 5**

ANALISIS DATA PENTAKSIRAN BERTERUSAN AKHIR SESI AKADEMIK 2023/2024 DATA BMTM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH												
BIL	TING	ENROLMEN	BMTM				JUMLAH BMTM MENGIKUT JANTINA				JUM KESE LURUHAN	% KESELURUHAN
			TP 1		TP 2		L		P			
			L	P	L	P	L	%	P	%		
1	Peralihan	1273	36	10	161	75	197	15.48	85	6.68	282	22.15
2	Ting 1	18023	38	17	506	216	544	3.02	233	1.29	777	4.31
3	Ting 2	18967	25	8	446	189	471	2.48	197	1.04	668	3.52
4	Ting 3	19519	32	8	451	164	483	2.47	172	0.88	655	3.36
5	Ting 4	17357	37	18	374	147	411	2.37	165	0.95	576	3.32
6	Ting 5	16881	11	2	201	103	212	1.26	105	0.62	317	1.88

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

13. Isu hakisan tanah di Flat Taman Batu Uban 2 yang melibatkan kawasan tempat letak kereta.
- (a) Apakah hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh agensi yang terlibat?
 - (b) Adakah kawasan flat tersebut selamat untuk diduduki?
 - (c) Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk membaiki kerosakan yang dialami akibat hakisan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Merujuk lawatan tapak yang telah diadakan bersama Pejabat YB ADUN Batu Uban, Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (PDTTL), Jabatan Kerja Raya Daerah Timur Laut (JKR DTL), Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Timur Laut (JPS DTL) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang diadakan pada 19 April 2024 dan 15 Mei 2024 telah mendapati bahawa pembinaan tempat parkir kenderaan sedia ada berhadapan Sungai Dua yang digunakan oleh penduduk Flat Taman Batu Uban 2 adalah tidak mengikut piawaian dan mencerooboh tanah kerajaan. Tempat parkir kenderaan tersebut telah dibina di luar kawasan sempadan milik Perbadanan Pengurusan (MC) dan tidak sewajarnya dijadikan sebagai tempat parkir kenderaan kerana Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai Tahun 2001 telah menetapkan ruang zon penamparan dari tebing perlu sekurang-kurangnya lima (5) meter. Selain daripada itu,

mendapan yang berlaku pada kawasan pagar parkir adalah kerana wujudnya bebanan berpunca daripada kenderaan yang diparkir di kawasan tersebut.

- (b) Hakisan/mendapan yang berlaku telah disahkan oleh JPS DTL bukan berpunca dari sungai dan tiada berlakunya pergerakan pada parit monsun. Semasa lawatan pada 19 April 2024, JKR DTL juga turut memaklumkan bahawa mendapan yang berlaku di tebing sungai adalah tidak kritikal dan hanya perlu dipastikan kawasan tersebut bebas daripada beban tambahan termasuk bebas daripada dilalui oleh kenderaan dan jentera.
- (c) Pihak JPS DTL akan mengambil tindakan segera untuk membuat pengukuran had sempadan secara kasar terlebih dahulu bagi menentukan sempadan antara zon penampakan (tanah kerajaan) dan tanah milik MC supaya pihak MC dapat memaklumkan kepada penduduk untuk tidak meletakkan kenderaan di tempat parkir kenderaan sedia ada iaitu berhadapan Sungai Dua atas faktor keselamatan.

Selain itu, pihak JPS DTL juga akan meneliti langkah mitigasi yang perlu diambil bagi mengatasi masalah yang berlaku ini dan tidak mengundang ancaman keselamatan kepada penduduk Flat Taman Batu Uban 2 serta memastikan isu yang sama tidak berulang lagi pada masa hadapan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

14. Apakah status tanah Lot 84 dan Lot 85 Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di Kampung Sungai Nibong Kecil yang melibatkan rumah-rumah kampung?
- (a) Adakah penduduk dibenarkan tinggal di tanah tersebut atau MAINPP mempunyai cadangan pembangunan lain?
 - (b) Nyatakan juga status Lot 3262, Lot 3264 dan Lot 3265.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Lot 84, Mukim 13, Daerah Timut Laut (DTL) adalah tanah wakaf yang didaftarkan di atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 25 November 2021 manakala Lot 85, Mukim 13, DTL merupakan tanah milik individu dan terdapat sebahagian struktur bangunan masjid di atas lot tanah tersebut.
- (a) Pada masa kini penduduk Kampung Sungai Nibong Kecil dibenarkan untuk tinggal di atas tanah tersebut. Namun begitu, terdapat cadangan dari pihak MAINPP untuk membangunkan kawasan tersebut dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dan Uda Holding Berhad (UDA) melalui permohonan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sekiranya cadangan pembangunan ini yang melibatkan keseluruhan lot tersebut diluluskan, pemaju yang dilantik hendaklah mengambil kira beberapa lot tanah yang telah didaftarkan di atas nama MAINPP iaitu Lot 84 (keseluruhan milik MAINPP), Lot 85 (sebahagian struktur bangunan masjid telah memasuki lot tanah berkenaan) dan

Lot 3263 di mana terdapat 1/128 bahagian baitulmal di atasnya.

- (b) Status Lot 3262, pihak MAINPP memaklumkan tidak mempunyai maklumat pemilikan, manakala Lot 3264 dan Lot 3265 merupakan tanah milik individu yang mempunyai rumah kediaman di atasnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

15. Apakah perancangan kerajaan untuk Flat MBPP Sungai Dua?
- (a) Adakah kerajaan berhasrat untuk menggunakan kaedah Sewa Beli (*Rent to Own*) untuk mereka yang sudah lama menetap di sana?
 - (b) Apakah perancangan kerajaan untuk tanah MBPP di Kampung Selamat?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membuat perancangan untuk menjalankan kajian pengukuhan bangunan bagi tujuan memastikan bangunan Flat MBPP Sungai Dua berada dalam keadaan baik dan selamat untuk diduduki. Selain daripada itu, MBPP juga bercadang untuk melantik agen pengurusan bagi menguruskan hal ehwal flat tersebut.
- (a) Kerajaan Negeri melalui MBPP tidak berhasrat untuk melaksanakan kaedah sewa beli (*Rent to Own*) ke atas 87 unit kediaman milik MBPP di Flat MBPP Sungai Dua ini memandangkan unit-unit tersebut disediakan untuk memenuhi keperluan rumah sewa kepada orang awam yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui MBPP juga masih dalam peringkat kajian untuk pembangunan tanah MBPP di Kampung Selamat. Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030), tapak pembangunan ini berada di dalam

'Kawasan Keutamaan Pembangunan 1' (KKP1). Jenis-jenis pembangunan yang dibenarkan di dalam KKP1 adalah perniagaan, perumahan, perindustrian, infrastruktur, utiliti, kemudahan awam, kawasan lapang, kuari dan rizab-rizab kerajaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

16. Apakah status penerbangan terus Pulau Pinang ke Chennai, India?
- (a) Bilakah penerbangan terus ini akan bermula dan syarikat penerbangan mana yang akan beroperasi?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk berbincang dengan syarikat penerbangan lain untuk penerbangan terus ke Pulau Pinang dari bandar-bandar lain di India?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Penerbangan terus daripada Chennai ke Pulau Pinang dijangka akan bermula pada hujung tahun 2024. Walau bagaimanapun, perbincangan antara syarikat penerbangan dan Malaysia Airport Berhad harus dilaksanakan bagi menjayakan usaha ini.
- (b) Kerajaan Negeri melalui PICEB Sdn. Bhd. sentiasa aktif berbincang dengan syarikat penerbangan lain dari India bagi meneroka peluang-peluang penerbangan terus daripada bandar-bandar lain di India. Inisiatif ini dilaksanakan semasa *Penang Roadshow To India* yang berlangsung setiap tahun pada bulan Januari.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

17. Pelancongan sukan.

- (a) Apakah usaha yang dilakukan untuk memartabatkan lagi industri pelancongan sukan di negeri ini?
- (b) Bagaimana untuk mengekalkan daya tarikan yang sedia ada dan seterusnya mempertingkatkan lagi kehadiran pelancong ke negeri ini pada masa akan datang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Dalam usaha untuk memartabatkan industri pelancongan sukan di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pelancongan serta Jawatankuasa MMK Sukan bersama semua penggerak agensi pelancongan dan sukan sentiasa berusaha untuk merencanakan, memperbanyakkan serta mempelbagaikan penganjuran kejohanan dan pertandingan sukan yang mampu menarik kemasukan peserta-peserta dari luar negeri dan luar negara.
- (i) Antara usaha-usaha yang diketengahkan adalah dengan:- Menjalin usahasama dengan pelbagai penggerak sukan dan pelancongan di peringkat global untuk memasarkan kejohanan dan pertandingan yang bakal dianjurkan. Kempen pemasaran digital dan promosi melalui media massa dan elektronik juga sentiasa diperkukuhkan di mana pelbagai usaha untuk mempromosikan negeri, destinasi pelancongan dan jenis

sukan yang dibawakan menerusi penggunaan laman web rasmi, media sosial dengan lebih efektif;

- (ii) Memperkayakan tarikan pelancongan tempatan di mana pihak Kerajaan menyaran penganjur kejohanan untuk sentiasa memasarkan sekali destinasi tarikan pelancongan negeri dan pada masa yang sama mengadakan acara sukan tempatan, mempromosikan destinasi sukan semulajadi, dan memperkenalkan aktiviti sukan yang khas di setiap lokasi-lokasi yang disasarkan;
- (iii) Meningkatkan infrastruktur sukan agar setanding dengan piawaian antarabangsa: Infrastruktur yang baik penting untuk menjamin keselesaan dan keselamatan penggiat sukan dari dalam dan luar negara. Peningkatan dan penyelenggaraan fasiliti seperti padang golf, trek hiking, lapangan tenis, stadium negeri, permukaan jalan raya atau kolam renang sentiasa diberi perhatian;
- (iv) Menganjurkan Acara Sukan Antarabangsa: Mengadakan kejohanan sukan peringkat antarabangsa secara tahunan yang dapat menarik perhatian atlet-atlet sukan dari luar negara. Misalannya seperti *Penang Bridge International Marathon*, *Penang International Dragon Boat Regatta*, *Penang Fellowship Bridge to Bridge Ride*, *Penang Open Badminton and Squash Challenge*, *Penang Run*, *Penang Dualthon Race* atau pelbagai jenis sukan-sukan yang lain; dan
- (v) Membina Jaringan Keselamatan: Memastikan keselamatan pelancong sukan adalah penting. Membina jaringan keselamatan yang diyakini oleh pelancong, termasuk perkhidmatan kecemasan dan pusat maklumat sukan, dapat memberi keyakinan kepada mereka.

Dengan kesepaduan usaha dari pelbagai pihak, Pulau Pinang sememangnya berpotensi menjadi destinasi pelancongan sukan yang menarik dan berkualiti di Malaysia, yang seterusnya dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan keharmonian sosial negara.

- (b) Untuk mengekalkan daya tarikan yang sedia ada dan mempertingkatkan kehadiran pelancong ke negeri ini pada

masa akan datang, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil:-

- (i) Memperkenalkan Produk Pelancongan Baharu dengan memperkenalkan inovasi-inovasi baharu dalam produk pelancongan seperti pelancongan kesihatan, menganjurkan kejohanan sukan ekstrem atau sukan air yang dapat menarik minat pelancong yang mencari pengalaman yang unik dan baharu;
- (ii) Terus memperkayakan destinasi pelancongan dengan memastikan kelestarian alam semulajadi dan keindahan kawasan pelancongan. Ini termasuk pemuliharaan taman-taman negara dan kawasan pantai agar kekal menjadi destinasi pelancongan yang lestari;
- (iii) Memperkasakan Pelancongan Budaya, Seni dan Warisan yang menyaksikan usaha-usaha untuk terus mempromosikan kepelbagaian etnik dan kebudayaan di negeri ini yang terdiri dari perayaan kebudayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Thaipusam, Vaisakhi yang sentiasa menampilkan aspek budaya yang berwarna-warni;
- (iv) Menggalakkan Pelancongan Domestik selain menarik pelancong antarabangsa dengan memberi tumpuan kepada kempen pemasaran khusus untuk masyarakat tempatan berhubung program kesukanan, kebudayaan dan kesenian yang dilaksanakan setiap masa;
- (v) Menawarkan Pelancongan Tema Khas dan memperkenalkan pakej-pakej pelancongan yang unik dan menarik. Contohnya, pelancongan makanan, seni dan budaya serta sukan ekstrem; dan
- (vi) Pengembangan Infrastruktur Pelancongan: Memastikan prasarana dan infrastruktur awam di tahap terbaik. Pembangunan dan penambahbaikan lapangan terbang, stesen kereta api dan kemudahan pengangkutan awam akan membantu meningkatkan keselesaan dan kemudahan aksesibiliti bagi pelancong.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

18. Isu peniaga asing di kawasan Bukit Jambul dan Flat Hamna Sungai Dua.
- (a) Apakah tindakan yang diambil oleh agensi terlibat untuk mengatasi lambakan peniaga asing?
 - (b) Adakah pemegang kad UNHCR dibenarkan untuk menjalankan perniagaan dan memohon lesen perniagaan?
 - (c) Nyatakan garis panduan PBT untuk orang asing berniaga.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak membenarkan dan tidak mengeluarkan lesen perniagaan kepada mana-mana warga asing secara individu. Antara tindakan yang diambil oleh pihak MBPP untuk mengatasi masalah lambakan peniaga asing di kawasan pentadbiran MBPP adalah seperti berikut:
- (i) Mensyaratkan setiap permohonan lesen premis perniagaan perlu mengemukakan dokumen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - (ii) Pihak MBPP tidak membenarkan warga asing menyewa/mendapatkan lot gerai sama ada di dalam pasar awam, kompleks penjaja atau tapak penjaja sementara;

- (iii) Pihak MBPP tidak membenarkan *subletting*, 'ali baba' atau menyerahkan perniagaan sepenuhnya kepada warga asing. Tindakan pembatalan lesen atau lain-lain tindakan yang bersesuaian akan diambil jika terbukti bersalah;
 - (iv) Pihak MBPP sentiasa menjalankan tindakan pemantauan secara berkala ke atas premis perniagaan di bawah selian MBPP; dan
 - (v) Pihak MBPP juga bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam operasi bersepadu yang dijalankan bagi membanteras lambakan peniaga asing.
- (b) Tidak. Pemegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan memohon lesen perniagaan.
- (c) Setakat ini, pihak MBPP mengguna pakai Garis Panduan Kawalan Aktiviti Perniagaan Untuk Pengusaha Warga Asing Tahun 2017 manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula mengguna pakai Garis Panduan Keterlibatan Pekerja/Pembantu di Pusat Penjaja MBSP, Premis Perniagaan dan Penjaja Tahun 2020.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

19. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu banjir kilat di Jalan Kampung Relau (Alora Hostel) dan Lorong Relau 1 dan 3?
- (a) Nyatakan perancangan jangka panjang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) telah mengeluarkan Laporan Teknikal Mengatasi Masalah Banjir Kilat yang menggariskan pelan tindakan bagi menyelesaikan isu banjir kilat di kawasan tersebut.
- (a) Perancangan jangka panjang Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dalam menangani isu ini adalah melaksanakan kerja-kerja meninggikan aras jalan sedia ada. Kerja ini dijangka dilaksanakan pada tahun semasa tertakluk kepada kelulusan peruntukan Caruman Perparitan oleh Jawatankuasa Tebatan Banjir.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

20. Apakah program kesedaran dan insentif untuk murid-murid menceburi dan memupuk minat dalam program sains dan teknologi?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat komited dan fokus dalam meneruskan agenda penekanan terhadap program sains dan teknologi dalam kalangan murid sekolah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Antara usaha dan sinergi yang dilaksanakan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan *Penang Science Cluster* (PSC) dalam menarik minat murid Sekolah Menengah dalam Sains dan Teknologi adalah menganjurkan kursus seperti asas elektronik, automotif dan mekatronik.

Selain itu, PSC turut melaksanakan program berterusan kepada golongan sasaran seperti guru dan murid bagi mencetuskan minat murid terhadap sains dan teknologi di samping mendapatkan bimbingan terus daripada guru yang terlibat serta memupuk dan melatih kemahiran berfikir aras tinggi termasuk kemahiran berfikir secara komputasional. Sebagai contoh, penganjuran latihan kepada guru (*Train the Trainers* (TTT)) bertujuan bagi melatih penggunaan bahan pengajaran Snatoms di bawah program *Lab-on Wheels* 2023.

Seterusnya, kolaborasi bersama JPNPP, PSC dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya mengadakan Program Pemantapan Sains Komputer khusus kepada 300 pelajar Tingkatan 4 dan 5 di negeri Pulau Pinang pada 3 dan 4 Ogos 2023 di Pusat Pengajian Sains Komputer (PPSKOMP), USM. Program ini telah membantu memperkasa ilmuan sains dan teknologi masa hadapan, sekali gus

menyemai semangat dan minat para pelajar dalam bidang sains dan teknologi agar mereka memilih bidang tersebut sebagai pilihan kerjaya utama.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

21. Pulau Pinang adalah rantaian besar untuk semikonduktor terutamanya reka bentuk IC.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak lagi pemain industri reka bentuk IC untuk melabur di sini?
 - (b) Adakah terdapat mana-mana syarikat MNC yang mempunyai keupayaan reka bentuk melakukan sebarang pembangunan vendor untuk syarikat tempatan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. (a) Berikut adalah perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan dalam industri reka bentuk litar bersepadu (*Integrated Circuit Design*):-
- (i) Memantapkan khidmat *hand holding programme* dengan memastikan kemudahan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Ini termasuk membantu para pelabur baharu dalam mencari lokasi pilihan bagi memulakan operasi dan menjadi pemudah cara antara pelabur dengan agensi Persekutuan dan Negeri dalam aspek pemberian insentif, bantuan permohonan visa ekspatriat, pengambilan pekerja baharu dan sebagainya;
 - (ii) Menyediakan perancangan strategik untuk menarik bakat baharu dan mengekalkan bakat sedia ada dalam reka

bentuk litar bersepadu melalui kerjasama institusi latihan dan institusi pengajian tinggi di samping menyediakan graduan ke laluan kerjaya yang betul di dalam sektor reka bentuk litar bersepadu;

- (iii) Mempromosikan Pulau Pinang ke luar negara dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pelabur-pelabur reka bentuk litar bersepadu yang berpotensi untuk melabur di Pulau Pinang. Antara negara-negara yang bakal diberi tumpuan dalam misi pelaburan adalah Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan Eropah; dan
- (iv) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan *InvestPenang* telah mengumumkan pelan mewujudkan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital (*Penang IC Design and Digital Park*) di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan ruang pejabat premium berkeluasan sejuta kaki persegi untuk menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi reka bentuk litar bersepadu (*Integrated Circuit Design*), penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan perniagaan global (GBS), pelaburan teknologi digital dan ekosistem ekonomi digital kitaran. Antara perancangan yang akan dilaksanakan melalui Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital (*Penang Integrated Circuit Design and Digital Park*) adalah seperti berikut:
 - 1) Pembangunan fasa pertama sedang dijalankan. Terdapat dua bangunan pejabat iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* yang berkeluasan 354,000 kaki persegi, dengan pelaburan sebanyak RM347 juta. Fasa pertama dijangka siap pada suku keempat tahun ini;
 - 2) Pembangunan fasa kedua pula melibatkan pembinaan *GBS TechnoPlex* yang akan menyediakan ruang pejabat berkeluasan 500,000 kaki persegi dengan kos pembinaan sebanyak RM308 juta. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2027.

- 3) Memastikan keperluan prasarana yang disediakan sesuai untuk para pelabur *IC Design* dan Digital. Ini termasuk memastikan bangunan tersebut mempunyai kemudahan infrastruktur dari segi pembekalan elektrik dan komunikasi seperti *broadband* yang kompetitif, ruang lantai yang sesuai bagi menjalankan aktiviti berkaitan *IC Design* dan persekitaran perniagaan yang kondusif yang diperlukan untuk bangunan berstatus *Malaysia Digital*;
 - 4) Memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain tempatan dalam sektor *IC Design*;
 - 5) Memohon kepada kerajaan Persekutuan untuk insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem IC dan Digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif lengkap yang akan diumumkan kemudian; dan
 - 6) Mewujudkan lebih ramai lagi syarikat pemula teknologi tempatan yang mengasah kemahiran dalam sektor *IC Design* serta penyelidikan dan pembangunan.
- (b) Pulau Pinang akan terus mempromosikan secara agresif aktiviti yang berkait rapat dengan reka bentuk pembangunan dan penyelidikan berlandaskan pengetahuan di bawah industri semikonduktor dan E&E. Antaranya ialah reka bentuk litar bersepadu (IC) yang menawarkan aktiviti perkhidmatan berkaitan pembuatan bahagian hadapan dalam rangkaian nilai semikonduktor global yang sangat kompetitif.

Sejak 30 tahun yang lalu, Pulau Pinang telah menjadi lokasi pilihan kepada lebih 20 syarikat reka bentuk litar bersepadu (IC) global, antaranya termasuk Intel, AMD, Infineon, Microchip, Starfive, Pixart, UST Global, Lattice dan Synopsys.

Syarikat-syarikat MNCs ini mempunyai keupayaan reka bentuk yang juga antaranya telah membantu melakukan pembangunan vendor untuk syarikat tempatan.

Antara syarikat reka bentuk IC tempatan Pulau Pinang yang menjadi perhatian ialah SkyeChip, Oppstar Technology dan Infinecs Systems sehingga menjadikan mereka antara juara reka bentuk IC di dalam Pelan Induk Industri Baru 2030.

Sebagai contoh, Infinecs menawarkan perkhidmatan reka bentuk IC kepada pelanggan dari AS, Eropah dan Asia, yang juga termasuk 10 syarikat semikonduktor teratas global seperti Intel, AMD, Microchip, Infineon, Starfive dan Qualcomm. SkyeChip mempunyai kepakaran teknikal yang mendalam dan lengkap untuk membangunkan produk IP dan ASIC termaju, manakalah Oppstar yang telah disenaraikan IPO menyediakan perkhidmatan reka bentuk IC yang meliputi reka bentuk bahagian hadapan, reka bentuk bahagian belakang dan penyelesaian siap guna yang lengkap. Kedua-duanya juga menjadi vendor kepada syarikat global terkemuka.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

22. Pematuhan ESG menjadi mandatori dan penekanan konsep Madani terhadap kepelbagaian dan kesaksamaan.
- (a) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan limpahan sektor E&E atau pelaburan langsung asing semikonduktor memberi manfaat kepada semua PKS?
 - (b) Adakah PKS bersedia untuk mengguna pakai ESG dan sejauh manakah kefahaman mereka terhadap doktrin ESG?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Kerajaan Negeri melalui InvestPenang sentiasa menggalakkan pihak pelabur asing yang melabur di dalam negeri untuk meningkatkan peratusan penyumberan tempatan (*local sourcing*) bagi setiap projek strategik terutamanya dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) dan semikonduktor melalui pelaksanaan berikut:
- (i) InvestPenang berkongsi direktori secara atas talian (online directory) yang menyenaraikan syarikat-syarikat tempatan termasuk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) kepada pelabur-pelabur asing agar dapat dipertimbangkan dalam aktiviti penyumberan;
 - (ii) InvestPenang menganjurkan Hari Pembekal (Supplier Day) bersama syarikat antarabangsa bagi membolehkan syarikat multinasional berkongsi kriteria-kriteria penyumberan tempatan serta senarai bahan-bahan yang

diperlukan melalui pasaran tempatan. Program-program seperti ini dapat memupuk kerjasama perniagaan antara syarikat multinasional dengan syarikat tempatan dan seterusnya mengembangkan potensi perniagaan di antara kedua-dua pihak;

- (iii) InvestPenang melaksanakan sesi pepadanan perniagaan (business matching) dan sesi *networking* bersama pembekal bagi membolehkan para PKS menunjukkan keupayaan perniagaan masing-masing kepada para pelabur asing;
 - (iv) InvestPenang menggalakkan para pelabur untuk mempertimbangkan program pembangunan vendor (vendor development program) yang membantu pembekal-pembekal tempatan yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan di mana pelabur-pelabur asing memberi bimbingan kepada PKS tempatan melalui perkongsian dan pemindahan teknologi, pemberian kontrak perniagaan yang lebih panjang serta perkongsian keuntungan dan sebagainya.
- (b) Rangka Kerja Industri Kebangsaan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (National Industry Environmental, Social, and Governance Framework (i-ESG)) berfungsi sebagai pemangkin untuk menarik pelaburan dan meningkatkan kedudukan negara dalam rangkaian nilai global.

Sehubungan dengan itu, InvestPenang dengan kerjasama *Penang Green Council* (PGC) telah melaksanakan beberapa siri program berkaitan ESG iaitu persidangan dan pameran ESG Pulau Pinang Tahun 2023 yang bertujuan untuk memudahkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam kalangan pemimpin industri, pakar, dan pihak berkepentingan dengan tujuan untuk menggalakkan dan mempromosikan strategi perniagaan mampan dan tingkah laku korporat yang bertanggungjawab di kalangan syarikat dan mengintegrasikan prinsip ESG merentasi rantai bekalan.

Seterusnya, InvestPenang akan menganjurkan dua (2) program berkaitan ESG pada bulan Mei 2024 iaitu

Perbincangan Kumpulan Tumpuan (FGD) yang memberi fokus kepada Pelaksanaan Keperluan dan Pelaporan ESG (Focused Group Discussion (FGD) *focused on Implementing ESG Requirements and Reporting*) dan Bengkel Pulau Pinang untuk PKS & Pemimpin Perniagaan yang menitikberatkan pada Tindakan Iklim & Integriti Perniagaan (Penang Workshop for SMEs & Business Leaders highlighting on Climate Action & Business Integrity). Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan medium perkongsian pandangan mengenai status pematuhan ESG semasa di kalangan Syarikat Berhad Awam (PLCs) tempatan, mengetahui cabaran dan sokongan yang diperlukan dari kerajaan dan pihak berkepentingan. Selain itu, program-program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai pematuhan ESG di kalangan PKS dan pemimpin perniagaan di samping mempromosikan tindakan iklim dan integriti perniagaan dalam komuniti perniagaan tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(IV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

23. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan petani muda?
- (a) Senaraikan bantuan-bantuan yang terdapat dan prosedur permohonan.
 - (b) Berikan maklumat tanah-tanah kerajaan yang telah diberikan secara tol atau pajakan sepanjang tahun 2023 mengikut jantina, umur dan kaum bagi tujuan pertanian dan perternakan.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) sentiasa menyalurkan bantuan dan sokongan kepada usahawan petani dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) aspek iaitu pembangunan modal insan (latihan), pembangunan produk dan program promosi. Ketiga-tiga aspek ini dilaksanakan bagi memastikan usahawan yang dibimbing mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti produk dan seterusnya meningkatkan pendapatan perusahaan masing-masing.
- (a) Bantuan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada DOA adalah terbuka kepada semua usahawan petani. Permohonan boleh dibuat di Pejabat Pertanian Daerah yang berdekatan. Senarai bantuan adalah seperti berikut:
